

PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
Naib Canselor
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Sempena

MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoU)

ANTARA UniSHAMS – UNIVERSITAS ISLAM RIAU, INDONESIA SECARA ATAS TALIAN

10.00 Pagi

10 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

Terima kasih Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim (Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang) serta Selawat dan Salam atas Junjungan Rasulullah SAW.

Assalamu 'Alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh, Salam Sejahtera,

- Saudara Pengacara Majlis, Us. Muhd Thoriq Asshiddiq Bin Che Ahmad,
- Yang dialu-alukan rombongan UNIVERSITAS ISLAM RIAU yang terdiri daripada:

1. Prof. Dr. H. SYAFRINALDI

Rektor Universitas Islam Riau, Indonesia

2. Dr. Zulkifli

Dekan Fakultas Agama Islam, Universitas Islam Riau

- Yang Berusaha:

Prof. Madya Dr Wan Nazjmi Bin Mohamed Fisol

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Ust. Mohd Shahid Azim Bin Mohd Saufi

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pembelajaran Sepanjang Hayat & Pengantarabangsaan (PSHA)

- Yang Dihormati

Para Tetamu Jemputan Sidang atas talian

Para hadirin dan hadirat.

(KATA PEMBUKA)

1. Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, dan saya mengalu – alukan kehadiran tuan/puan pada hari ini.
2. Saya berbesar hati atas kesudian tuan/puan pada hari ini bagi memeriahkan lagi majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UniSHAMS – UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR). Lafaz terima kasih saya rakamkan kepada delegasi UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR) sudi menghadirkan diri bagi menjayakan majlis kerjasama ini.

(OBJEKTIF PROGRAM)

1. Tuan-tuan dan Puan-puan,

UniSHAMS merupakan sebuah universiti milik penuh kerajaan Negeri Kedah yang sentiasa berusaha untuk memperkasakan dan memperkuatkan keupayaannya di dalam bidang akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat dan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi melengkapkan kecemerlangan pengajiannya dan telah memasuki pelbagai perancangan kerjasama dengan pihak-pihak yang lain bagi memperkasakan kecemerlangan itu.

Saya berpendirian bahawa Majlis menandatangan MoU ini bukan merupakan awalan kepada kerjasama antara dua organisasi UniSHAMS – UNIVERSITAS ISLAM RIAU, tetapi lebih sebagai penggalak dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama yang telah sedia berlangsung.

2. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian,

Pencapaian sesebuah Universiti tidak hanya menawarkan pendidikan kepada masyarakat awam, malah menjadi salah satu penanda aras kualiti dan pencapaian sesebuah Universiti harulah melalui dengan adanya kajian, penyelidikan , penerbitan dan seminar yang perlu diadakan secara konsisten di peringkat luar dan dalam Malaysia.

Melalui hasil aktiviti kajian, seminar dan pertemuan bersifat akademik dianjurkan oleh UniSHAMS akan membuka lebih banyak hasil penerbitan buku, kitab, artikel dan seterusnya memantapkan lagi kualiti pendidikan di negara kita.

Kerjasama antara dua organisasi kita juga berlangsung melalui perkongsian data dan maklumat, sesuai dengan kapasiti UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR) selaku ikon institusi

pengajian Islam di Indonesia. Serentak dengan itu, dengan kepakaran dan kemahiran yang terdapat di UniSHAMS, data dan maklumat berkenaan dijana dan ditambah nilai. Saya anggap proses ini sebagai *smart parnership process*.

Justeru itu, saya berharap dengan termeterainya penjanjian persefahaman ini bersama UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR) dapat melonjakkan dan memberi sumbangan kepada dunia akademik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa dengan adanya penerbitan dan *research* yang dihasilkan bersama UniSHAMS & UNIVERSITAS ISLAM RIAU (UIR).

(KATA PENUTUP)

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya berdo'a mudah-mudahan Allah Ta'ala sentiasa melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada tuan-tuan dan puan-puan, UniSHAMS, dan warganya dengan naungan kecemerlangan, kejayaan, kesihatan, dan kesejahteraan, Amin.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum Warahmatullahi Warakatuh.